

Dagangan Malaysia, UAE cecah RM14b tahun lalu

um 21/6/08
m/s 23

DUBAI 20 Jun - Jumlah dagangan Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) berkembang sebanyak 22.8 peratus kepada RM14.56 bilion tahun lepas.

Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di UAE, Noraslan Hadi Abdul Kadir berkata, eksport ke negara Teluk itu berjumlah RM10.12 bilion, meningkat sebanyak 21.8 peratus berbanding RM8.31 bilion pada 2006. Import bertambah 25 peratus kepada RM4.44 bilion.

"UAE merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dan destinasi eksport di Asia Barat," kata beliau sambil menambah bahawa UAE, juga adalah rakan dagang Malaysia yang ke-17 di peringkat global pada 2007.

Malaysia juga merupakan pengeksport ke-10 terbesar ke UAE yang terdiri daripada tujuh emiriyah termasuk Dubai, dan pengeksport utama di kalangan negara ASEAN.

Semasa memberikan pecahan produk utama yang dieksport ke UAE, Noraslan Hadi berkata, barang kemas bernilai RM3.39 bilion, barangan elektrik dan elektronik (RM2.35 bilion), minyak sawit (RM882 juta), produk kayu (RM715.4 juta) dan jentera, perkakasan dan alatan (RM522.2 juta).

Menurut Noraslan Hadi, UAE adalah sumber import kedua terbesar Malaysia dari rantau Asia Barat.